



MEMORANDUM

DARIPADA : Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri

KEPADA : Seperti Pembahagian *

Tarikh : 14 Syaaban 1440
20 April 2019

Ruj Kami : JPM/PENT//PRESTASI/KPI/2.1 Ruj Tuan :

SEGERA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله تعالى وبركاته


PENGEMASKINIAN SISTEM PENGURUSAN PRESTASI BARU PERKHIDMATAN AWAM

Dengan penuh hormatnya sukacita merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 3/2019 bertarikh 23 Januari 2019 mengenai pengemaskinian Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam yang dikuatkuasakan mulai 01 Oktober 2018.

2. Pengemaskinian Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam tersebut mengandungi empat (4) jenis borang iaitu bagi Bahagian I, II, III, IV dan V yang telah dikemaskinian dengan memberi penekanan kepada dua (2) aspek penilaian iaitu penilaian hasil (*results/KPI*) dan ciri-ciri peranan sepertimana rujukan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 3/2019 bertarikh 23 Januari 2019 yang dilampirkan.

3. Sehubungan dengan ini, sukacita jua merujuk kembali persuratan Jabatan Perdana Menteri mengenai Pengemaskinian Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam bilangan: JPM/0/2/PT.5 bertarikh 06 Rabiulawal 1440 bersamaan dengan 14 November 2018 serta Sesi Pemberigaan bersama Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian-Kementerian pada 23 Rabiulawal 1440 bersamaan dengan 01 Disember 2018, mengenai dengan "*Pengemaskinian Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam: Peniadaan Bell-Curve dan Proses Moderation/Calibration*".

4. Dalam hal ini, sukacita bersama ini disertakan **Templet Laporan Taburan Gred Prestasi bagi tempoh 2017 sehingga 2018** yang telah disediakan oleh *Taskforce* Sistem Pengurusan Prestasi Baru untuk diisikan oleh pihak Jabatan-Jabatan bagi kemudahan pengumpulan data untuk membuat penganalisan yang boleh membantu dalam sebarang penambahbaikan pada masa akan datang.





-2-

5. Templet Laporan Taburan Gred Prestasi yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan melalui emel tidak lewat daripada **hari Sabtu, 27 April 2019** kepada:

Bahagian Koordinasi dan Hal Ehwal Korporat

Jabatan Perdana Menteri

Tel: +673 2224645 ext. 1032 / 1441

Emel: corporate.governance@jpm.gov.bn

6. Dalam hubungan ini, sukacita Kementerian ini memohon kerjasama baik Ketua-Ketua Jabatan untuk melaksanakan pengemaskinian Sistem Pengurusan Prestasi Baru Perkhidmatan Awam tersebut dengan penuh komited dan kepimpinan yang tinggi bagi mencapai matlamat-matlamat yang dihasratkan khususnya dalam mempertingkatkan budaya berasaskan prestasi (*performance-based culture*) dalam Perkhidmatan Awam.

Sekian sahaja yang dapat disampaikan untuk makluman dan tindakan lanjut pihak Pengiran/ Pehin/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan mengenainya.

والله ولي التوفيق

"Bersih Itu Indah, Bersih Itu Anugerah"

Dengan Hormat

[MUHAMMAD HIDAYAT BIN NAJIB]

b.p. Setiausaha Tetap

hidayat.najib@jpm.gov.bn

Salinan kepada:

Setiausaha Tetap [Hal Ehwal Korporat & Pentadbiran Awam], Jabatan Perdana Menteri
Ketua Bahagian Koordinasi dan Hal Ehwal Korporat, Jabatan Perdana Menteri



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 3/2019
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PENGEMASKINIAN SISTEM PENGURUSAN PRESTASI BARU
PERKHIDMATAN AWAM**

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Sistem Pengurusan Prestasi Baru dalam Perkhidmatan Awam adalah dikemaskinikan seperti berikut:

1. Sistem Pengurusan Prestasi Baru merupakan salah satu langkah bagi mempertingkatkan lagi budaya berasaskan prestasi (*performance-based culture*) dalam Perkhidmatan Awam. Ianya dihasratkan untuk mencapai objektif-objektif berikut:
 - a) Mengukur dan menilai pencapaian prestasi pegawai dan kakitangan berpandukan kepada objektif yang telah ditetapkan secara sistematik, objektif dan telus;
 - b) Mengenalpasti tahap kompetensi pegawai dan kakitangan;
 - c) Membolehkan tindakan diambil bagi tujuan memperbaiki dan meningkatkan prestasi pegawai dan kakitangan bagi pengurusan bakat (*talent management*);
 - d) Menggalakkan rasa tanggungjawab dalam pemantauan prestasi;
 - e) Memastikan akauntabiliti pegawai dan kakitangan dalam menjalankan penilaian prestasi yang telus; dan
 - f) Memastikan rancangan penggantian (*succession planning*) dapat dilaksanakan dengan berkesan.

2. **Borang Penilaian Prestasi Baru**
 - 2.1. Sistem Pengurusan Prestasi menggunakan Borang Penilaian Prestasi Baru yang terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu:
 - a) Borang Penilaian Prestasi Bagi Bahagian I
 - b) Borang Penilaian Prestasi Bagi Bahagian II
 - c) Borang Penilaian Prestasi bagi Bahagian III
 - d) Borang Penilaian Prestasi bagi Bahagian IV dan V



- 3 -

2.7. Borang Penilaian Prestasi Baru akan mengikut kitaran sistem penilaian prestasi yang mempunyai lima (5) fasa yang bermula pada bulan Oktober sehingga bulan September di tahun berikutnya seperti berikut:

- 1) Perancangan kerja/huraian tugas/sasaran objektif dan perakuan prestasi hendaklah dijalankan pada bulan Oktober;
- 2) Pemantauan pertama pencapaian hasil (*results*) pada bulan Februari;
- 3) Pemantauan kedua pencapaian hasil (*results*) pada bulan Jun;
- 4) Penilaian prestasi secara keseluruhan akan diberikan gred penilaian pada bulan September; dan
- 5) Pembangunan kapasiti yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi prestasi pegawai berkenaan dilaksanakan sepanjang tempoh penilaian.

3. **Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator - KPI*)**

3.1. KPI adalah satu sukat-sukat penilaian yang digunakan oleh sebuah organisasi atau individu dalam mengukur atau membandingkan prestasi bagi mencapai objektif strategik selaras dengan visi, misi dan peranan utama agensi.

3.2. KPI mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

- a) Menjelaskan status pencapaian dan sasaran prestasi kerja;
- b) Membimbing ke arah peningkatan pencapaian melalui data/fakta;
- c) Mengutamakan aktiviti penambahbaikan yang telah dikenalpasti;
- d) Meningkatkan akauntabiliti, keutamaan tugas dan pembangunan individu;
- e) Memantau pencapaian prestasi kerja secara berterusan melalui sesi maklum balas yang formal; dan
- f) Memastikan hasil (*outcome*) prestasi kerja berhubungkait dan relevan dengan proses kerja masa kini.

..../4



- 5 -

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

“Syura Membawa Kesepakatan”



[HAJI ROSLAN BIN HAJI TAJA'AH]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (3)/JPM/SK/2019
Tarikh : 17 Jamadilawal 1440
23 Januari 2019

TEMPLATE LAPORAN TABURAN GRED PRESTASI

PERINGKAT JABATAN:

Sila isikan jumlah dan peratus (%) pegawai dan kakitangan yang memperolehi Gred A hingga E bagi Tahun 2017 dan Tahun 2018 di dalam Jabatan.

Tahun	Bahagian Jawatan	Gred A	Gred B	Gred C	Gred D	Gred E	Jumlah	Peratus (%)
2017	I							
	II							
	III							
	IV							
	V							
	Jumlah Keseluruhan							
	Peratus (%)							
Tahun	Bahagian Jawatan	Gred A	Gred B	Gred C	Gred D	Gred E	Jumlah	Peratus (%)
2018	I							
	II							
	III							
	IV							
	V							
	Jumlah Keseluruhan							
	Peratus (%)							